

## Latihan Penilaian Unit

Nyatakan sama ada pernyataan-pernyataan di bawah adalah Betul (B) atau Salah (S).

1. Menuntut ilmu adalah ibadat dalam Islam. ( )
2. Solat lima waktu boleh diabaikan jika sibuk dengan kerja. ( )
3. Puasa tidak perlu diganti sekiranya ditinggalkan ketika uzur atau tidak sihat. ( )
4. Suami tidak wajib menanggung perbelanjaan keluarga jika isteri bekerja. ( )
5. Isteri tidak perlu menjaga anak jika sibuk mencari wang untuk keluarga. ( )
6. Amalan amar makruf nahi mungkar perlu dilakukan oleh setiap Muslim. ( )
7. Kekayaan adalah ukuran utama untuk membina umat terbaik. ( )
8. Menuntut ilmu adalah wajib jika ada kemampuan kewangan. ( )
9. Pelajar yang beradab wajib patuh kepada arahan gurunya walaupun dia tidak setuju dengan arahan tersebut. ( )
10. Falsafah pendidikan negara menegaskan bahawa matlamat akhir pendidikan negara adalah untuk menjadi ahli akademik yang cemerlang, terbilang dan gemilang. ( )

### Soalan esei

Jawab semua soalan di bawah.

1. Bincangkan peranan ibadat dalam kehidupan seseorang Muslim.
2. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan umat Islam mengabaikan amalan ibadat seperti solat, puasa, zakat dan haji.
3. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan dalam masalah kekeluargaan di negara kita?
4. Bincangkan peranan masyarakat Islam dalam masyarakat majmuk.
5. Bincangkan peranan anggota masyarakat dalam memajukan sistem pendidikan Islam.